

# JPBW

**(MPN)  
Majlis  
Perancangan Negeri**

**Persidangan  
Perancangan  
Negeri Sabah**

**Perancangan  
Mampan :  
Inisiatif Hijau**

**Program  
Pihak Berkuasa  
Tempatan Hijau**



# ISI KANDUNGAN

- 02 Sidang Redaksi JPBW 2019/2020
- 04 Perutusan Menteri KKTP
- 05 Kata Aluan SUT KKTP
- 06 Pra Kata Pengarah JPBW
- 07 Garis Panduan & Statistik Pelan Pembangunan 2019
- 08 Persidangan Perancangan Negeri Sabah 2019
- 10 Majlis Perancangan Negeri (MPN)
- 11 Seminar Kesedaran Bencana Gempa Bumi
- 12 Projek Pembangunan Lanskap Perbandaran Tuaran
- 14 Program PBT Hijau
- 15 Taklimat dan Latihan PPPLNS
- 16 Kursus Amali Penyelenggaraan Pokok Lanskap Bandar Bagi PBT
- 17 Kursus Keselamatan Taman Permainan Kanak-Kanak bagi PBT
- 18 SUKNA 2019
- 20 Planners Run 2019
- 21 Aktiviti BKI
- 22 Kakitangan Baharu
- 23 Penganugerahan



# SIDANG RIDAKSI JPBW 2019/2020

**PENASIHAT**



BERNADETTE C. EDMUND

**PENGERUSI**



LAr. NURULHAYATI AG. MORE

**EDITOR**



NORAFFINIE NORWEN

**GRAFIK**



HASNAH DOUSIN

**FOTOGRAFI**



ZAFRAN YUSOF

**AHLI**



FARIDA ANSAWI

**AHLI**



DANNY F. MALINGGI

**AHLI**



NURMAHNILA MUSAH

**AHLI**



ALIF ABD. FATAH

**AHLI**



JAINISAN ROMAN

**AHLI**



SUHAILI LAIMAN

# PERUTUSAN

**Yang Berhormat,  
Menteri Kementerian Kerajaan Tempatan  
dan Perumahan, Negeri Sabah (KKTP)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assamua'laikum w.b.t. dan Salam Sejahtera,

Syabas saya ucapkan kepada JPBW, kerana sekali lagi berjaya menerbitkan buletin tahunan jabatan. Dengan adanya penerbitan buletin ini, ia menjadi medium hebahan terkini berkaitan program-program yang dilaksanakan kerajaan. Terutamanya melibatkan penyediaan polisi, piawaian, garis panduan berkaitan perancangan dan pembangunan bandar di negeri Sabah. Secara tidak langsung, ia membantu menyampaikan maklumat dengan berkesan dan meningkatkan kualiti mutu perkhidmatan awam kepada masyarakat.

Dalam langkah menyelaraskan pembangunan negeri Sabah, kerajaan negeri amat prihatin terhadap kepentingan rakyat khususnya dalam memastikan kesejahteraan dan keselesaan kehidupan masyarakat bandar dan luar bandar agar lebih kondusif. Selaras dengan itu, JPBW telah mengambil inisiatif dengan menyediakan beberapa garis panduan dan dijadikan sebagai rujukan utama untuk memandu pembangunan perancangan negeri dengan lebih teratur dan sistematik. Antara yang telah dihasilkan adalah Manual Piawaian Perancangan Pembangunan Negeri Sabah (M3P) dan Piawaian Pembangunan Landskap Negeri Sabah (PPPLNS). Pihak kementerian menyokong penuh, agar JPBW lebih agresif untuk menyediakan garis panduan lagi yang difikirkan relevan dalam senario semasa dan menjadi keperluan untuk merancang dan mengawal pembangunan di negeri Sabah ini.

Besarliah harapan saya untuk melihat pembangunan di negeri Sabah ini, mencapai pembangunan yang mampan dan yang paling utama memberi keselesaan kepada rakyat Sabah. Dengan ini, saya juga memberikan harapan yang tinggi kepada JPBW untuk mencorakkan pembangunan bandar dan luar bandar agar ke arah kelestarian dan menitikberatkan aspek kemampanan.

“Bersama-sama kita jaga negeri kita”



**YB. Datuk Dr. Hj. Jaujan Sambakong**

# KATA ALUAN

## Yang Berbahagia, Setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (SUT KKTP)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamuala'laikum w.b.t. dan Salam Sejahtera, sekalung penghargaan kepada Team Sidang Redaksi 2019/2020 di atas komitmen dalam menjayakan penerbitan buletin jabatan edisi ke-11 (2019).

Tahun 2019 merupakan tahun ke dua saya telah berkhidmat di Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP) sebagai Setiausaha Tetap dan berdasarkan pengamatan saya, saya melihat jabatan ini telah mengorak langkah dengan lebih jauh ke arah kecemerlangan. Sederap langkah yang telah diambil tindakan bersandarkan kebijaksanaan menuju mencapai matlamat yang disasarkan, jabatan ini mampu untuk menjadi sebuah agensi teknikal yang cemerlang.

Sehubungan dengan itu, saya melihat jabatan ini berperanan secara langsung dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang melibatkan inisiatif teknologi Hijau. Dalam langkah merealisasikan pelaksanaan program-program yang berlandaskan teknologi hijau, saya berharap jabatan ini dapat menjadi contoh (role model) kepada agensi-agensi lain. Justeru, jabatan ini menjadi pemangkin dalam penambahbaikan perkhidmatan awam dengan menunjukkan prestasi yang lebih baik dan berprestij di kalangan jabatan atau agensi di bawah kerajaan negeri Sabah.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas kepada semua warga JPBW dan kekalkan prestasi unggul serta tingkatkan lagi ke peringkat yang lebih tinggi.

“Perancangan Ke Arah PBT Hijau”



YBhg. Datuk Hj. Masnah Matsalleh

# PRA KATA

## **Yang Berusaha, Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah (JPBW) Negeri Sabah**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah s.w.t., sekali lagi penerbitan buletin jabatan iaitu Buletin JPBW Edisi Ke-11 (2019) telah berjaya dihasilkan dengan jayanya. Syabas diucapkan kepada Team Sidang Redaksi 2019/2020 yang telah bertungkus-lumus menghasilkan buletin jabatan dengan penuh komited. Penerbitan buletin jabatan ini menjadi satu medium perkongsian aktiviti-aktiviti jabatan yang telah diadakan sepanjang tahun 2019. Selain itu, ianya dapat dijadikan sebagai diari tahunan JPBW dan tatapan memori kepada warga JPBW.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga JPBW yang telah memberikan komitmen yang terbaik dalam memantapkan dan memperkasakan struktur penyampaian perkhidmatan jabatan ini. Salah satu usaha penambahbaikan JPBW adalah menggantikan Lembaga Pusat (Central Board) kepada Majlis Perancangan Negeri (MPN) iaitu State Planning Council (SPC) yang telah berkuatkuasa pada 1 November 2019. Saya berharap usaha ini, dapat meningkatkan lagi keberkesanaan dan menambahbaik proses kelulusan Kebenaran Merancang (KM) di negeri ini agar lebih cepat, teratur dan efisien.

Akhir kata, harapan saya untuk melihat JPBW untuk terus maju dan menjadi sebuah jabatan teknikal yang mempunyai mutu perkhidmatan yang cemerlang.




**TPr. Tuan Hj. Mursidi Haji Sapie**


# 2019

## STATISTIK PELAN PEMBANGUNAN

% MENGIKUT ZON



% MENGIKUT JENIS PEMBANGUNAN



Manual Piawaian Perancangan Pembangunan Negeri Sabah (M3P)



Piawaian Pembangunan Landskap Negeri Sabah (PPPLNS)




**2019**

**21 OKTOBER**

**PERSIDANGAN  
PERANCANGAN  
NEGERI SABAH**

**Sempena Hari Perancang  
Bandar Sedunia 2019**

**SUSTAINABLE PLANNING :  
GREEN INITIATIVES**



## “PERANCANGAN MAMPAN : INISIATIF HIJAU ”

Sempena menyambut Hari Perancang Bandar Sedunia (HPBS) 2019, Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah telah mengadakan Persidangan Perancangan Negeri Sabah dengan bertemakan “Perancangan Mampan: Inisiatif Hijau” yang telah diadakan pada 21 Oktober 2019 (Isnin) bertempat di Grand Ballroom, Magellan Sutera Harbour Resort.

Persidangan tersebut telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, YAB Ketua Menteri Sabah. Selain itu, Timbalan Ketua Menteri, YB. Datuk Dr. Haji Jaujan bin Sambakong merangkap Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan juga hadir bersama Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan iaitu YB. Hiew Vun Zin. Kehadiran beberapa Menteri dan Pembantu Menteri Kabinet yang lain juga turut memeriahkan lagi upacara persidangan tahun 2019.

Selain itu, persidangan tersebut juga dihadiri oleh Setiausaha Tetap Kementerian , Pengarah Jabatan, Pegawai-Pegawai Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Sabah, Jabatan/agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan, Ahli-Ahli Majlis daripada Daerah-Daerah seperti Penampang, Tuaran, Kota Belud, Putatan, Papar dan Beaufort dan Institusi Pengajian di sekitar kawasan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu telah memeriahkan lagi persidangan tersebut.

Melalui Persidangan tersebut, pendedahan mengenai maklumat dan idea terkini berkenaan dengan inisiatif hijau dalam proses perancangan menuju ke arah pembangunan mampan telah dikongsi bersama kepada Jururancang, Pihak Berkuasa Tempatan, Pihak Swasta, Institusi dan individu. Seramai tiga (3) orang penceramah yang terdiri daripada kumpulan profesional dalam bidang perancangan Bandar dan kejuruteraan yang berpengalaman telah dijemput untuk memberikan ceramah dan berkongsi ilmu kepada para peserta.

Dalam persidangan 2019 tersebut, penceramah daripada Negara Singapura iaitu Encik Eugene Lee daripada Urban Redevelopment Authority of Singapore (URA) telah dijemput untuk membentangkan “Singapore in the Next Decade – Master Plan 2019” yang telah berkongsi perancangan gunatanah di Negara Singapura. Selain tu, pertandingan melukis juga diadakan di antara pelajar sekolah-sekolah rendah di sekitar kawasan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu yang bertemakan “Kota Kinabalu Bandar Impian 2033” di mana seramai lima puluh orang pelajar telah menyertainya.



telah ditubuhkan pada 1 November 2019, di bawah peruntukkan Section 3, Town and Country Planning (Sabah Cap. 141), menggantikan Lembaga Pusat Perancang Bandar (Central Board).

#### Objektif Utama

- 1 **Mempercepatkan lagi proses kelulusan Kebenaran Merancang.**
- 2 **Meningkatkan lagi keberkesanan proses pertimbangan permohonan Kebenaran Merancang.**
- 3 **Sebagai platform untuk memperkasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang bertanggungjawab mengawal selia pembangunan tanah masing-masing.**



#### Fungsi



- 01 **Memberi kebenaran kepada PBT untuk mengeluarkan Kelulusan Kebenaran Merancang selaras dengan Skim Pelan Daerah / Pelan**
- 02 **Menyampaikan keputusan, arahan dan syor kepada PBT terhadap pertimbangan Kebenaran Merancang / Pelan Pembangunan;**
- 03 **Menyelia dan mengawal PBT berhubung dengan kuasa-kuasa dan tugas yang diamanahkan kepada PBT di dalam Ordinan Perancang Bandar dan Desa [Seksyen 3(2)];**
- 04 **Menyediakan draf Pelan Struktur Negeri [Seksyen 4C(1)] dan mempertimbangkan bantahan ke atas Pelan Struktur Negeri [Seksyen 4D(1)];**
- 05 **Mempertimbangkan Pelan Daerah/Pelan Tempatan dan seterusnya diangkat ke Kabinet Negeri/TYT untuk kelulusan [Seksyen 9 & Seksyen 3(2)].**
- 06 **Mengubal (make) peraturan berhubung dengan prosedur penyediaan skim deraf dan perkara-perkara di Jadual Dua [Seksyen 5(1)]; dan**
- 07 **Mengubal peraturan-peraturan (regulation) termasuk dalam [Seksyen 34C(1)(2)].**

# SEMINAR

## KESEDARAN BENCANA GEMPA BUMI

**Seminar Kesedaran Bencana Gempa Bumi adalah satu program anjuran jabatan dengan kerjasama pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP) Negeri Sabah dan Jabatan Standards Malaysia.**

**Seminar ini telah diadakan dua sesi, yang pertama, pada 21 September 2019 bertempat di Perkasa Hotel Kundasang, Ranau, dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong, Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah. Sesi kedua telah diadakan pada 27 September 2019 bertempat di Hotel My Inn, Lahad Datu, dirasmikan oleh YB Puan Isnaraissah Munirah Binti Majilis, Timbalan Menteri MESTECC.**

**Program ini disertai oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), jabatan kerajaan, agensi swasta, pihak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak awam (pelajar sekolah). Tujuan program ini adalah untuk memupuk kesedaran dan salah satu strategi terbaik dalam memberi fahaman berkaitan bencana gempa bumi.**

**JPBW telah menghasilkan Garis Panduan Pembangunan di kawasan Berisiko Gempa Bumi untuk dijadikan panduan kepada pihak yang berkaitan.**



Projek ini dipohon dan diluluskan melalui

Rancangan Malaysia ke - 10 (RMK 10) pada tahun 2015 dan disambungkan ke RMK 11. Objektif pelaksanaan adalah:

1

Mengekalkan dan meningkatkan karakter dan pengalaman visual di sepanjang jalan lama Tuaran khususnya yang akan memfokus ke arah pusat bandar.

2

Membina sistem laluan bagi menghubungkan dan menggiatkan pusat-pusat bagi aktiviti utamabagi memenuhi fungsi dan keperluan warga dalam bandar.

3

Menyediakan satu rangkaian hijau yang berterusan dengan pemilihan spesis tanaman yang praktikal dan kurang penyelenggaraan.

A tall, slender clock tower with a red frame and two large white clock faces at the top. The tower is illuminated with colorful lights (red, yellow, green, blue) that form geometric patterns along its sides. It stands in a paved area at night, with streetlights and buildings in the background.

# TUARAN





PROJEK  
PEMBANGUNAN  
LANDSKAP  
EPRBANDARAN  
TUARAN  
FASA 2



Majlis Serah Tapak  
Semula kepada  
Majlis Daerah Tuaran



# PROGRAM PBT HIJAU

Khidmat Teknikal JPBW bagi Program  
Pembangunan Landskap PBT Hijau untuk  
Majlis Daerah Tongod



Cadangan Rekabentuk Pintu  
Masuk Pekan Tongod dan  
Cadangan Penghijauan Jalan  
Utama Pekan



Cadangan Pembangunan  
Landskap Rumah Hijau Di  
Pekan Tongod

Cadangan Pembangunan  
Landskap Taman Poket Di  
Pekan Tongod




Cadangan Menaik Taraf  
Persekitaran Kolam Takungan  
di Kawasan Rumah Rehat  
Majlis Daerah Tongod





TAKLIMAT DAN LATIHAN  
Kepada Pihak Berkuasa Tempatan Sabah  
bagi Pemakaian  
PIAWAIAN  
PERANCANGAN  
PEMBANGUNAN  
LANDSKAP NEGERI  
SABAH

Bahagian Landskap JPBW telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk memberikan pendedahan dan pemahaman yang lebih jelas kepada PBT di Sabah berhubung dengan pemakaian PPPLNS dalam semakan Pelan Pembangunan dan Pelan Landskap.



Taklimat dan latihan siri 1/2019 yang dianjurkan selama 4 hari pada 4, 5, 6 & 9 Disember 2019 dihadiri oleh semua wakil PBT amat berkesan serta memberi pendedahan kepada PBT berkenaan semakan pengemukaan pelan pembangunan dan pelan landskap di peringkat PBT.



## Kursus Keselamatan Taman Permainan

Kanak-Kanak Bagi  
Pihak Berkuasa Tempatan  
Negeri Sabah

Seramai 70 orang peserta dari pelbagai Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Non-Governmental Organisation (NGO)

Kursus ini diadakan pada 16-17 Julai 2019 bertempat di Hotel Promenade, Kota Kinabalu dirasmikan oleh YB Datuk Dr. Haji Jaujan Haji Sambakong, Menteri Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Merangkap Timbalan Menteri Sabah.



### OBJEKTIF KURSUS :

Memberi kefahaman yang lebih jelas tentang peranan PBT bagi menjamin keselamatan dan kualiti rekabentuk taman permainan yang dicadangkan di dalam sesebuah pembangunan.

Mendedahkan amalan asas perancangan dan rekabentuk taman permainan yang perlu diambil kira dalam keperluan pembangunan taman permainan kanak-kanak bagi menyediakan ruang yang integrasi dan interaksi sihat dalam kawasan taman permainan kanak-kanak.

Mendedahkan PBT tentang kepentingan penyediaan taman permainan kanak-kanak yang selamat, selesa dan menarik.



# KURSUS AMALI Penyelenggaraan Pokok Lanskap Bandar Bagi PBT Sabah

Kursus ini diadakan pada 2 & 3 April 2019 bertempat di Hotel Tabung Haji, Kota Kinabalu dirasmikan oleh YB Datuk Dr. Haji Jaujan Haji Sambakong, Menteri Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Merangkap Timbalan Menteri Sabah. Kursus selama dua (2) hari ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Sabah berkenaan dengan kaedah dan aplikasi penyelenggaraan pokok yang betul.



# SUKNA XIX NEGERI SEMBILAN

Sukan Nasional Perancang Bandar Dan Desa Ke-19 ini adalah acara sukan tahunan yang menggabungkan seluruh Jabatan Perancang Bandar dan Desa di Malaysia bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim dan menggalakan gaya hidup sihat dalam kalangan penjawat awam. Sukan ini diadakan setiap 2 tahun sekali dan pada tahun ini telah diadakan pada 18 – 22 Julai 2019 bertempat di Universiti Sains Islam Antarabangsa Malaysia (USIM) Negeri Sembilan. Jabatan telah mengambil bahagian dalam acara Olahraga, Karom, Dart dan Tenpin Bowling dan berjaya meraih 1 Emas (1500 meter lelaki terbuka), 2 Perak ( 100 meter lelaki terbuka) dan 1 Gangsa (Dart Berpasukan).





**"GO FOR GREEN"**



Program ini dilancarkan sempena mempromosikan Hari Perancang Bandar Sedunia iaitu pada 21 Oktober 2019. Program larian 5KM anjuran JPBW ini bertemakan Planners Run – Go For Green 2019 dan dianggarkan seramai 500 orang peserta yang terdiri daripada agensi kerajaan dan orang awam. Acara ini dirasmikan oleh Yang Berbahagia Datuk Dr Haji Jaujan Bin Sambakong, Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Sabah merangkap Timbalan Ketua Menteri Negeri Sabah.





## PERTANDINGAN MELUKIS BERTEMAKAN "KOTA KINABALU BANDAR IMPIAN 2033"

Pertandingan melukis dan mewarna ini diadakan sempena menyambut Hari Perancangan Bandar Sedunia 2019, satu Persidangan Perancangan Negeri Sabah dengan bertemakan

**"PERANCANGAN MAMPAN : INISIATIF HIJAU".**

Seramai 50 orang pelajar yang berumur 10 tahun menyertai program tersebut. Antara sekolah yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini adalah Sekolah Kebangsaan Sembulan, Sekolah Kebangsaan Tanjung Aru 1, Sekolah Kebangsaan Sri Gaya, Sekolah Kebangsaan Pekan Putatan dan Sekolah Kebangsaan Luyang Kota Kinabalu.



# BADAN KEBAJIKAN ISLAM AKTIVITI BKI 2019

## MAJLIS RUMAH TERBUKA HARI RAYA AIDILFITRI 1440H



## MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA ANAK-ANAK YATIM DAN PELAJAR TAHFIZ SEMPENA BULAN RAMADHAN AL-MUBARAK 1440H



Bersempena dengan bulan Ramadhan, satu Majlis Berbuka Puasa telah diadakan pada 20 Ramadhan 1440 Hijrah (bersamaan 27 Mei 2019) bersama-sama staf Jabatan Perancang Bandar & Wilayah. Majlis Berbuka Puasa ini juga dihadiri khas oleh para pelajar tahfiz dan anak-anak yatim dari sekitar Kota Kinabalu. Majlis disempurnakan Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Jaujan Bin Haji Sambakong.

Badan Kebajikan Islam (BKI) bersama-sama Kelab Sukan & Rekreasi (KREW) JPBW telah menganjurkan Majlis Rumah Terbuka Khas JPBW pada 30 Syawal 1440 Hijrah (bersamaan 4 Julai 2019) di Foyer Wisma Tun Fuad Stephens, Kota Kinabalu. Majlis Rumah Terbuka tersebut dihadiri oleh dif-dif kehormat khas iaitu Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Jaujan Bin Haji Sambakong. Beliau sekaligus melancarkan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2019 Peringkat Negeri Sabah yang akan diadakan pada Oktober setiap tahun dan mengangkat tema Perancangan Mampan: Inisiatif Hijau bagi tahun 2019 semasa kunjungan ke Majlis Rumah Terbuka Khas JPBW.

## LAWATAN SUMBANGAN AMAL KE PONDOK TARBİYATUN-NISA DI TUARAN



Pada 23 Rejab 1440H lalu (bersamaan 30 Mac 2019), Badan Kebajikan Islam Jabatan Perancang Bandar & Wilayah Negeri Sabah telah mengadakan lawatan sumbangan amal di Pondok Pengajian Tarbiyatun-Nisa di Tuaran. Pondok pengajian ini telah ditimpa musibah kebakaran yang menyebabkan penginapan mereka terjejas.

Setelah berhubung dengan Pengelola Pondok Pengajian iaitu Puan Rosnani Binti Untol, beliau menjelaskan bahawa para pelajar perempuan muslimah memerlukan bantuan dari segi keperluan seperti barang-barang dapur dan juga buku-buku ilmiah. Dalam lawatan tersebut, BKI-JPBW telah menyampaikan

sumbangan amal yang diterjemahkan kepada pemberian barang-barang dapur dan buku-buku ilmiah. Pada masa sama, BKI-JPBW juga telah berjaya mengumpul kutipan derma ikhlas daripada warga jabatan. Ini juga sebagai tambahan kepada peruntukkan yang diberikan oleh pihak Pusat Zakat Sabah.

## MAULIDUR RASUL 1441H



Tanggal 2 Rabiulawal 1441 Hijrah (bersamaan 9 November 2019) lalu, BKI disertai oleh staf JPBW beragama Islam telah menyertai perarakan sempena Maulidur Rasul 1441H.

Majlis Penganugerahan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2018 disempurnakan oleh TPr. Hj.Mursidi Hj.Sapi, Pengarah JPBW, pada 12 September 2019 di Mariot Hotel, Kota Kinabalu.

1. Puan Farida Ansawi
2. Puan Siti Khairunnisa Ali Rahman
3. Encik Myron Masing
4. Encik Suhaili Laiman
5. Puan Caroline Leigh Chin
6. Encik Ady Said
7. Encik Mazlie Norinah
8. Encik Syairul Izam Bin Jamlin
9. Encik Henry Johniuh
10. Encik Ahmad Bin Abdul Abbas



Penerima Bintang Kebesaran Negeri Sabah Bintang Setia Kinabalu (B.S.K) Tahun 2019

Puan Farida Ansawi  
Puan Otia Untong

*Jasamu Dikenang,  
Selamat Bersara*

Kakitangan Bersara Wajib Tahun 2019:

1. Puan Villin Ghibin, Pembantu Awam H11
2. Puan Aisah Umalbasah, Penolong Pegawai Akauntan W36
3. Encik Balamis Gauk, Pemandu Kenderaan H11
4. Encik Joe Gadayuk, Penolong Pegawai Perancang Bandar J29
5. Puan Enon Teo @ Shirley, Pelukis Pelan J22
6. Encik Abdul Wahid Abdul Rashid, Penolong pegawai Perancang Bandar J38
7. Encik Yeo Bon Ching, Penolong Pegawai Perancang Bandar J29



# TAHNIAH DAN SELAMAT DATANG WARGA BARU JPBW!



**MORD IAINUDDIN BAWI**  
Pegawai Perancang Bendera dan Daga  
Grad J&IT  
Mekapuri diri pada 16.10.2019



**PUAN NORAFINIE NORWEN**  
Pegawai Perancang Bendera dan Daga  
Grad J&IT  
Mekapuri diri pada 01.11.2019



**MORD EPMEDI BEN AWANG DAMY**  
Pegawai Perancang Bendera dan Daga  
Grad J&IT  
Mekapuri diri pada 19.11.2019



**MSB MOMATKA BINTI JARNEI P IBRAHIM**  
Pekabisi Pulau Grad J&IT  
Mekapuri diri pada 09.05.2019



**ZAMARAH ABDURY CELESTIAL**  
Pekabisi Pulau Grad J&IT  
Mekapuri diri pada 11.07.2019



**MORD AFIFU JAPLEN**  
Pembantu Tadbir (P/O) Grad M19  
Mekapuri diri pada 05.06.2019



**MSB LAILA BINTI ALINUDDIN**  
Pembantu Tadbir Grad M19  
Mekapuri diri pada 05.06.2019



**NORSAYANI BINTI ABU BAKAR**  
Pembantu Tadbir Grad M19  
Mekapuri diri pada 14.06.2019



**MORD ITHERI HANIF**  
Pembantu Tadbir M19  
Mekapuri diri pada 11.11.2019 dan  
diangkatkan di Pejabat Cawangan Tawau



**KHABROL BOMAN**  
TENDHAN  
Pembantu Operasi M1  
Mekapuri diri pada 27.12.2019



**PUAN FARHAN TAJAD**  
Pembantu Am Pejabat Grad M1  
Mekapuri diri pada 11.11.2019



**MUKHAMMAD AIZAF BIN MORD AYUB**  
Pembantu Kenderaan Grad M1  
Mekapuri diri pada 11.12.2019





MENARA JAM BANDAR TUARAN